

**TEKS PERUTUSAN KHAS  
TUAN YANG TERUTAMA  
YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH  
BERSEMPENA DENGAN HARI JADI RASMI KE-68  
PADA 02 OKTOBER 2021**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Alhamdulillah Rabbil Alamin Wabihi Nasta'in

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan

Salam Sejahtera.

**PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua, kita dapat bersama-sama hadir dalam Majlis Sambutan Harijadi Rasmi saya yang ke-68. Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan serta semua yang terlibat dalam

menjayakan majlis sambutan pada pagi ini.

2. Saya bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya kesihatan saya sentiasa terpelihara dengan baik serta dipanjangkan usia sehingga kita semua dapat berhimpun dan bersama-sama merasai suasana penuh istiadat di upacara yang sangat bermakna ini.

3. Saya dan isteri merakamkan penghargaan dan terima kasih atas kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada hari ini meskipun harus mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ketat. Ini juga merupakan satu penghormatan kepada saya, sekaligus menunjukkan kesetiaan dan komitmen yang tinggi dan tidak berbelah bahagi terhadap negeri Sabah dan negara kita Malaysia. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melimpahkan

rahmat dan kurnia-Nya agar negeri Sabah khususnya dan negara kita amnya akan terus maju dan makmur.

Para Hadirin Sekalian,

4. Kita baru sahaja menyambut peristiwa bersejarah iaitu Hari Malaysia pada 16 September 2021 yang lalu di mana pada tahun ini Sabah telah diberi penghormatan sebagai tuan rumah. Peristiwa bersejarah ini sememangnya amat signifikan dan perlu dihayati oleh seluruh rakyat di negeri ini. Sepertimana pada tahun lalu, Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan pada tahun ini juga disambut dengan amalan norma baharu. Meskipun demikian, peristiwa ini tetap bermakna dan menjadi simbol kepada pengorbanan dan kesatuan seluruh rakyat di negeri ini. Semangat patriotisme melalui sambutan bersejarah ini juga diharap mampu meningkatkan lagi kegigihan dan kecekalan dalam

mengharungi pelbagai cabaran. Dengan semangat kental dan jati diri sebagai seorang warganegara, apa juga cabaran pasti akan dapat ditangani.

Para Hadirin Sekalian,

### **MEMPERTINGKATKAN PEMATUHAN SOP**

5. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha untuk mengekang penularan COVID-19 sejak lebih setahun yang lalu. Walaupun pada masa ini kerajaan telah membenarkan beberapa aktiviti ekonomi dan sosial untuk beroperasi secara berperingkat, namun rakyat hendaklah terus mempertingkatkan pematuhan ke atas SOP dan peraturan yang telah ditetapkan. Pandemik ini belum menunjukkan tanda-tanda akan berakhir, apatah lagi ia sudah berada di dalam komuniti. Kitalah yang bertanggungjawab dalam menjaga serta memastikan keselamatan diri sendiri, keluarga dan

orang lain dengan membendung pandemik ini daripada terus menular. Sehubungan itu, usaha kerajaan untuk melaksanakan SOP Pelan Pemulihan Negara dan memperhebatkan program imunisasi untuk seluruh rakyat amatlah dihargai. Saya menyeru kepada mereka yang belum menerima vaksin agar segera berbuat demikian melalui program-program *outreach* atau di pusat-pusat pemberian vaksin.

Para hadirin sekalian,

## **PELAN PEMULIHAN DAN PEMBANGUNAN KERAJAAN**

6. Saya penuh yakin pelan pembangunan negeri, pemulihan ekonomi dan sosial yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri akan memberi impak positif kepada negeri ini. Justeru, saya ingin menggesa seluruh rakyat untuk sentiasa menyokong dan

bekerjasama dengan pihak kerajaan bagi menjayakan program-program pembangunan yang sedang dan akan dilaksanakan. Kita perlu bersatu dan terus berusaha untuk memulihkan kembali ekonomi negeri dan kehidupan yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

7. Perpaduan adalah asas kepada kestabilan, keharmonian dan tunjang kepada kejayaan usaha kita. Oleh itu, saya menyeru kepada seluruh lapisan rakyat agar terus memperkukuhkan dan mengekalkan perpaduan yang telah menjadi identiti dan kebanggaan kepada negeri ini.

Para Hadirin Sekalian,

**MEMPERKASA TEKNOLOGI DIGITAL DAN**  
**KEMAHIRAN**

8. Pada ketika kita masih berhadapan dengan ancaman pandemik COVID-19, ternyata inovasi dalam teknologi pendigitalan semakin mengambil tempat dalam kehidupan kita. Teknologi ini sememangnya mempermudah banyak urusan, selamat, penyampaian perkhidmatan yang cekap dan perkongsian maklumat yang pantas.

9. Pelaksanaan konsep Bekerja Dari Rumah (BDR) sebagai satu norma baharu akibat pandemik COVID-19 merupakan contoh bagaimana teknologi digital mampu berfungsi untuk kita bekerja tanpa mengira waktu dan tempat kita berada.

10. Interaksi dan urus niaga dalam talian terus menjadi pilihan bagi menggantikan pertemuan bersemuka sama ada oleh mereka di institusi pendidikan, perkhidmatan awam, swasta, sektor industri dan perniagaan, hingga

merentasi pelbagai lapisan masyarakat. Ini ditambah pula dengan kemunculan pelbagai aplikasi persidangan video dan platform urus niaga dalam talian. Sehubungan itu, pembudayaan teknologi dan amalan budaya baharu ini perlu terus disemarakkan di kalangan rakyat.

11. Pada masa sama, ketidaktentuan ekonomi dan cabaran-cabaran di peringkat global dan nasional menuntut penguasaan kemahiran baharu agar cekap dan bijak dalam mengurus tadbir cabaran yang dihadapi. Justeru, segala perancangan dan inisiatif yang sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri dalam membangun modal insan yang berkualiti, berkemahiran dan berpengetahuan, kreatif serta inovatif amat bertepatan untuk menjadikan negeri Sabah terus maju jaya.

12. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji



Noor, Ketua Menteri Sabah dan seluruh anggota Kabinetnya atas pelaksanaan pelan pembangunan yang komprehensif untuk membawa kesejahteraan dan kemakmuran negeri ini melalui Hala Tuju Sabah Maju Jaya (Pelan Pembangunan SMJ 1.0: 2021-2025). Hubungan akrab yang terjalin dengan Kerajaan Persekutuan juga sudah pasti akan mempermudah lagi pelaksanaan program-program pembangunan yang dirancang untuk manfaat rakyat. Saya juga menghargai keprihatinan kerajaan yang menyediakan pelbagai pakej dan penyaluran bantuan kepada seluruh lapisan rakyat yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

13. Sebagai sebuah negeri bertuah yang dikurniakan kekayaan sumber asli dan alam semulajadi, serta kekuatan perpaduan dan keharmonian, insya-Allah, negeri ini berada di landasan yang tepat untuk mengecapi kemajuan dengan lebih pesat lagi melalui

kepimpinan Kerajaan Negeri yang berkesan dan prihatin dengan keperluan rakyat.

## **PENUTUP**

14. Akhir kata, pada hari yang penuh istiadat ini, saya sekali lagi merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua peringkat kepimpinan, baik di peringkat Negeri mahupun di peringkat Persekutuan serta seluruh rakyat atas doa dan perutusan ucap selamat sempena Hari Jadi Rasmi saya yang ke-68 pada hari ini.

15. Saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada seluruh anggota perkhidmatan awam, pasukan-pasukan keselamatan, agensi-agensi penguatkuasa, sektor swasta dan semua pihak atas dedikasi mereka terhadap tanggungjawab yang diamanahkan. Komitmen tinggi yang mereka berikan

telah memastikan kesejahteraan rakyat dan keamanan negara ini sentiasa dalam keadaan terkawal.

16. Demikian juga dengan pengorbanan dan jasa semua petugas barisan hadapan, petugas kesihatan, sukarelawan dan semua pihak yang terlibat dalam menangani pandemik COVID-19 di seluruh negeri. Semoga kita sentiasa berada di dalam rahmat dan lindungan Allah subhanahu wata'ala jua.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.